

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PDP 471 - Perspektif Sejarah dan Falsafah Dalam Pendidikan

Masa : [3 jam]

---

Jawab EMPAT soalan: DUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Terangkan perbezaan mazhab idealis dan realis mengenai proses pendidikan. Pilih satu mazhab yang anda sendiri anggap munasabah dan bincangkan kenapa anda beranggapan demikian dengan contoh-contoh yang jelas.
2. Bincangkan pendapat Plato, Rousseau dan Dewey tentang matlamat dan skop pendidikan.
3. a) Bincangkan dengan jelas hubungan di antara falsafah ugama dan metafizik Islam dengan ilmu-ilmu yang dipelajari oleh manusia.

ATAU

- b) Huraikan konsep "pendidikan untuk berdikari" dan terangkan mengapa Nyerere mahukan matlamat pendidikan Tanzania sedemikian.

- 2 -

4. Huraikan konsep "konsientizasi" sebagai yang diperkenalkan oleh Paulo Freiri (1970). Dengan mengkaji situasi pendidikan masa kini, sejauh manakah anda bersetuju bahawa "konsientizasi" patut dijadikan sebagai matlamat akhir pendidikan?

BAHAGIAN B

5. Bandingkan dua sistem persekolahan dalam sistem pendidikan majmuk Semenanjung Malaysia di antara 1786 - 1956 dengan mengkaji faktor-faktor utama yang mempengaruhi perkembangan dan kesan-kesan terhadap masyarakat Malaysia.
6. Bincangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyeragamkan struktur sistem pendidikan di antara 1945 - 1955 dan reaksi penduduk Tanah Melayu.
7. "...di samping perubahan-perubahan dari segi struktur dan organisasi, Laporan Razak tidak memberi penjelasan dan bimbingan falsafah yang sangat diperlukan, dan keadaan ini akhirnya melahirkan beberapa perbalahan berhubung dengan pentafsirannya". (Haris, 1990). Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan di dalam sistem pendidikan kebangsaan (per. 12 Laporan Razak) pada tahun 1970.
8. Nilaikan kejayaan dan kegagalan Dasar Pendidikan Kebangsaan dari tahun 1957 - 1970. Jawapan anda hendaklah disertakan oleh hujah-hujah yang spesifik sebagaimana yang diperakukan oleh Laporan Razak (1956) dan masalah-masalah yang timbul dari proses pelaksanaannya.

- oooOOooo -